

**TAHAP KESEDIAAN PENGAJARAN
FONIK PRABACAAN BAHASA INGGERIS
GURU PRASEKOLAH DI SABAH**

NUR NADHIRAH @ KHIRUZANI

BINTI MAT ZAID



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2017

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **TAHAP KESEDIAAN PENGAJARAN FONIK PRABACAAN BAHASA INGERIS GURU PRASEKOLAH DI SABAH.**

IJAZAH: **SARJANA PENDIDIKAN (KURIKULUM DAN PENGAJARAN)**

Saya **NUR NADHIRAH@KHIRUZANI BINTI MAT ZAID**, Sesi **2011-2012**, mengaku membenarkan tesis Srjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK
TERHAD

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


Disahkan Oleh,

NURULAIN BINTI ISMAIL
LIBRARIAN

(Tandatangan Pustakawan)


NUR NADHIRAH BINTI MAT ZAID
PT20118303

Tarikh: 16 Mac 2017




Prof. Madya Dr. Suyansah Swanto
Penyelia

PENAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

16 Mac 2017



Nur Nadhirah @ Khiruzani Binti Mat
Zaid

PT 20118303



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **NUR NADHIRAH @ KHIRUZANI BINTI MAT ZAID**

NO. MATRIK : **PT20118303**

TAJUK : **TAHAP KESEDIAAN PENGAJARAN FONIK PRABACAAN
BAHASA INGERIS GURU PRASEKOLAH DI SABAH**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(KURIKULUM DAN PENGAJARAN)**

TARIKH VIVA : **16 MAC 2017**

DISAHKAN OLEH

1. PENYELIA

Prof. Madya Dr. Suyansah Swanto

Tandatangan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2. PENYELIA BERSAMA

Prof. Madya Dr. Dayang Maryama Awang Daud

Tandatangan

PENGHARGAAN

Puji dan syukur ke hadirat Allah SWT kerana di atas limpah dan rahmat-Nya, kajian ini dapat disempurnakan. Saya ingin merakamkan jutaan penghargaan buat Prof. Madya Dr. Suyansah Swanto sebagai penyelia yang telah banyak membantu serta memberi bimbingan tanpa jemu. Sokongan, dorongan dan doa yang tidak pernah putus dari beliau amat saya hargai. Terima kasih Prof.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya ditujukan kepada penyelia bersama Dr Dayang Maryama yang banyak memberi tunjuk ajar dalam penganalisan data. Tanpa ilmu yang dicurahkan, dapatan kajian saya tidak akan lengkap seperti di dalam tesis ini.

Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat sepanjang penyelesaian kajian ini. Khususnya kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Jabatan pelajaran Negeri Sabah (JPNS), Penyelaras prasekolah Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) di daerah Kota Belud, tambunan, Nabawan, Kuala penyu, Kota Kinabalu dan Penampang Sabah, Penyelaras Pascasiswazah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, dan semua guru-guru prasekolah bagi daerah terlibat yang menjadi responden kaji selidik bagi menjayakan tesis ini secara sukarela.

Penghargaan khas juga ditujukan buat suami En. Jovevaddey bin John di atas keizinan dan sentiasa memahami pada setiap waktu yang sukar, doa ibu Sakinah Yaacob yang tidak pernah putus memohon kejayaan saya, sokongan abah Mat Zaid Bin Puteh serta adik beradik yang sentiasa memberi semangat agar terus berjuang, seluruh ahli keluarga, dan rakan-rakan yang sentiasa membantu sehingga penulisan tesis ini dapat dihasilkan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak –pihak yang terlibat dalam menjayakan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak

langsung. Tanpa bantuan anda, tugas ini tidak dapat diselesaikan dengan sempurna.

Akhirnya saya memohon kepada Allah SWT, agar penulisan tesis ini dapat memberi faedah kepada semua. Setiap yang baik datangnya daripada Allah SWT dan yang lemah datangnya dari diri saya sendiri. Sekian, terima kasih.

Nur Nadhirah @ Khiruzani Binti Mat Zaid

16 Mac 2017



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kebolehan mengenal dan membunyikan huruf bahasa Inggeris melalui kaedah fonik adalah penting dalam usaha untuk memastikan kanak-kanak prasekolah dapat membaca bahan bacaan yang lebih mencabar pada masa akan datang. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kesediaan guru-guru prasekolah dalam melaksanakan pengajaran fonik dalam prabacaan Bahasa Inggeris di Sabah. Seramai 97 guru dari tiga daerah berdasarkan penguasaan murid iaitu Kota Belud, Tambunan dan Nabawan telah dipilih. Antara aspek-aspek kesediaan yang dikaji 1) pengetahuan prosedural; 2) pengetahuan pedagogi; 3) pengetahuan penggunaan alat bantu mengajar; 4) pengurusan aktiviti pembelajaran; 5) sikap guru. Item-item di dalam soal selidik dibina dan diubahsuai berpandukan kepada kajian Holly B. Lane (2007), Hornsby dan Wilson (2009) dalam kajian Mark B. Smith (2011) dan Zahara Aziz dan Nik Azleena Nik Ismail (2007). Berdasarkan analisis deskriptif skor kesediaan guru prasekolah secara keseluruhan menunjukkan skor min daerah Kota Belud adalah tinggi berbanding Tambunan dan Nabawan. Manakala, analisis inferensi menggunakan ujian ANOVA sehala didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesemua aspek dengan daerah Kota Belud dan Nabawan. Analisis Korelasi Pearson menunjukkan kesediaan aspek pengetahuan mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap guru-guru prasekolah di ketiga-tiga daerah. Hasil dapatan kajian ini diharapkan agar penguasaan prabacaan bahasa Inggeris murid-murid prasekolah akan lebih meningkat apabila faktor luaran dan dalaman murid di titik beratkan selain keberkesanan pengajaran guru. Akhir sekali, dicadangkan kajian masa depan dijalankan dengan membandingkan penguasaan murid dengan mengambilkira faktor persekitaran, keturunan/baka, bahasa ibunda, personaliti dan motivasi.

ABSTRACT

THE READINESS OF IMPLEMENTING PHONIC IN PREREADING ENGLISH LANGUAGE AMONG PRESCHOOL TEACHERS IN SABAH

The ability to recognize letters and sound in English through the Phonic Method is crucial among pre-schoolers to prepare them for a more advanced reading. This survey based study is to identify the level of readiness among preschool teacher in implementing phonic method in the teaching of English language in Sabah. 97 participants were involved comprising teachers from Kota Belud, Tambunan and Nabawan who were chosen based on student's mastery in reading. Among the aspects that were studied include: 1) procedural knowledge, 2) Pedagogical knowledge, 3) Knowledge in using teaching aid, 4) managements in learning activities, 5) teacher's attitude. The questionnaire was constructed based on Holly B. Lane (2007) and Hornsby and Wilson (2009) as cited in Mark B. Smith (2011), and Zahara Aziz and Nik Azleena Nik Ismail (2007) study. Based on descriptive analysis, it was indicated that readiness is the most dominant in attitudinal aspect where the mean score for Kota Belud was the highest compared to Tambunan and Nabawan. However, inferential analysis from tone way ANOVA revealed that not every aspect has a significant relationship with student's mastery in the districts of Kota Belud, Tambunan and Nabawan. Pearson correlation analysis found that each every aspect has significant relationship with preschool teachers attitude in the 3 districts. With regard to the long term implications of this study, it is hoped that mastery in English Language pre-reading for pre-schoolers would increase once student's external and internal factors are given due recognition apart from the effectiveness of teaching skills. Lastly, it is suggested that a further study be implemented comparing student's mastery against factors related to the environment, ancestry/gene, first language, personality and motivation.

ISI KANDUNGAN

Halaman

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Tujuan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Persoalan Kajian	7
1.7 Hipotesis Nol Kajian	8
1.8 Batasan Kajian dan Skop Kajian	9
1.9 Kerangka Konseptual Kajian	10
1.10 Definisi Operasional	12
1.10.1 Kaedah Fonik	12
1.10.2 Kesediaan Guru	12
1.10.3 Pengetahuan prosedural	15
1.10.4 Pengetahuan Kemahiran Pedagogi	18
1.10.5 Alat Bantu Mengajar	19
1.10.6 Pengurusan aktiviti pembelajaran	21
Rumusan	23

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	24
2.2	Prasekolah	25
2.3	Prabacaan	26
2.4	Pendekatan Fonik	31
	2.4.1 Abjad	34
	2.4.2 Kesedaran Fonologikal	36
2.5	Teori Perkembangan dan Pembelajaran Kanak-kanak	37
	2.5.1 Teori Behaviouris	37
	2.5.2 Teori Konteks Budaya	39
2.6	Teori Pengajaran Membaca	41
	2.6.1 Model Bawah ke Atas (Bottom –Up)	42
2.7	Hubungan Proses Membaca dengan Penguasaan Murid	46
	2.7.1 Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kebolehan Membaca	48
2.8	Hubungan Pengajaran Fonik dengan Penguasaan Murid	52
2.9	Hubungan Pengajaran Fonik dengan Prabacaan di Prasekolah	56
	Rumusan	62

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	63
3.2	Rekabentuk Kajian	63
3.3	Populasi dan Sampel	64
3.4	Lokasi Kajian	64
3.5	Prosedur kajian	65
3.6	Pengumpulan data	66
3.7	Instrumen kajian	68
3.8	Kajian Rintis	71
3.9	Penganalisan Data	72
	3.9.1 Analisis Deskriptif	72
	3.9.2 Analisis Inferensi	74
	Rumusan	76

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	77
4.2	Ujian Normaliti bagi Taburan data	77

4.3	Analisis soalan dan hipotesis kajian	79
4.3.1	Tahap Kesediaan Guru-guru Prasekolah dalam Menjalankan Menjalankan Pengajaran Fonik Secara Keseluruhan.	79
4.3.2	Tahap Kesediaan Pengetahuan Prosedural Guru-guru Prasekolah Dalam Menjalankan Pengajaran Fonik.	81
4.3.3	Tahap Kesediaan Pengetahuan Kemahiran Pedagogi Guru-guru Prasekolah dalam Menjalankan Pengajaran Fonik.	83
4.3.4	Tahap Kesediaan Pengetahuan Alat Bantu Mengajar Guru-guru Prasekolah dalam Menjalankan Pengajaran Fonik.	85
4.3.5	Tahap Kesediaan Pengetahuan Pengurusan Aktiviti Pembelajaran Guru-guru Prasekolah dalam Menjalankan Pengajaran Fonik.	86
4.3.6	Tahap Kesediaan Sikap Guru-guru Prasekolah dalam Menjalankan Pengajaran Fonik.	88
4.3.7	Tahap Kesediaan Aspek-aspek Pengetahuan dan Sikap Guru berdasarkan Perbezaan Peratus Penguasaan Murid dalam Daerah.	89
4.3.8	Hubungan Kesediaan Aspek-aspek Pengetahuan dengan Sikap Guru-guru Prasekolah.	90
	Rumusan	92
BAB 5 : RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN		
5.1	Pendahuluan	93
5.2	Rumusan dapatan	93
5.3	Tahap Penguasaan Murid	94
5.4	Tahap Kesediaan Guru	95
5.4.1	Pengetahuan Prosedural	96
5.4.2	Pengetahuan Pedagogi	98
5.4.3	Pengetahuan Alat Bantu Mengajar	99
5.4.4	Pengetahuan Pengurusan aktiviti Pembelajaran	100
5.4.5	Sikap	102
5.5	Tahap Kesediaan Guru Antara Daerah	104
5.6	Implikasi kajian	106
5.7	Cadangan kajian Akan Datang	108
	Rumusan	110



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Statistik Peratusan Penguasaan Murid Prasekolah Kemahiran Membaca (standard pembelajaran 3.0) Bahasa Inggeris. Sumber JPNS.	5
Jadual 2.1	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Bagi Tunjang Bahasa Inggeris.	59
Jadual 2.2	Pengajaran fonik di dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah.	60
Jadual 3.1	Pembahagian Item Untuk Soal Selidik Tahap Kesian Guru Prasekolah.	67
Jadual 3.2	Jadual Skala Likert.	69
Jadual 3.3	Nilai Alfa Bagi Setiap Aspek.	72
Jadual 3.4	Nilai Skor Min dan Tahap Kesian Guru.	73
Jadual 3.5	Anggaran Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	76
Jadual 3.6	Skala Nilai Pekali Korelasi	76
Jadual 4.1	Min, Sihan Piawai, Skewness dan Kurtosis Untuk Tahap Kesian Pengetahuan ($N=97$).	78
Jadual 4.2	SKor Kesian Guru Prasekolah Secara Keseluruhan	79
Jadual 4.3	SKor Kesian dari Aspek Pengetahuan Prosedural.	81
Jadual 4.4	Skor Kesian dari Aspek Pengetahuan Kemahiran Pedagogi.	83
Jadual 4.5	Skor Kesian dari Aspek Pengetahuan Alat Bantu Mengajar.	85
Jadual 4.6	Skor Kesian dari Aspek Pengetahuan Pengurusan Aktiviti Pembelajaran.	87
Jadual 4.7	Skor Kesian dari Aspek Sikap.	88
Jadual 4.8	Perbezaan Min Tahap Kesian Aspek-aspek Pengetahuan dan Sikap Antara Daerah Kota Belud dan Nabawan.	89
Jadual 4.9	Korelasi Di Antara Kesian Pengetahuan dengan Sikap Guru-guru Prasekolah ($N=97$).	90

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian	12
Rajah 3.2 Prosedur Kajian	66



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

	ESL	-	" <i>English as a Second Language</i> "
	JPNS	-	Jabatan Pelajaran Negeri Sabah
	KPK	-	Kurikulum Prasekolah Kebangsaan
	NKRA	-	Bidang Keberhasilan Utama Negara (National Key Result
Area)	KSPK	-	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
	KSSR	-	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
	L1	-	Bahasa ibunda
	L2	-	Bahasa kedua
	NRP	-	National Reading Panel
	NICHD	-	National Institute of Child Health and Human Development
	P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
	SMS	-	Sistem Pesanan Ringkas



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A Soal Selidik Tahap Kesiediaan Pengajaran Fonik Bahasa Inggeris Guru Prasekolah Di Sabah.	119
Lampiran B Kebolehpercayaan Instrumen	123
Lampiran C Ujian Normaliti	129
Lampiran D Analisis Data	140
Lampiran E Surat Kelulusan	150



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan prasekolah adalah peringkat awal proses pembelajaran yang penting kerana pengalaman yang diterima di peringkat prasekolah dapat memberi persediaan dan membekalkan kanak-kanak dengan kemahiran, keyakinan diri dan memupuk sikap positif terhadap individu.

Kajian yang dijalankan di negara maju menunjukkan murid-murid yang mengikuti pendidikan prasekolah mempunyai kesan positif terhadap perkembangan kognitif dan afektif pada sekolah rendah. Di peringkat ini, kemahiran belajar membaca merupakan asas penting dalam penguasaan kognitif dan persekitaran sosial manusia. Kemahiran membaca yang dikuasai di sekolah membantu pelajar membaca dengan berkesan. Untuk mencapai matlamat tersebut, kaedah mengajar yang sesuai perlu diamalkan oleh guru agar proses penguasaan kemahiran tersebut dapat berlaku dengan mudah dan berkesan. Untuk mencapai objektif agar semua murid mampu membaca dengan berkesan, maka pada peringkat awal persekolahan kaedah membaca yang digunakan perlu sesuai dengan kemampuan dan minat murid agar memberikan impak kepada proses pembelajaran.

Sesuai dengan keperluan semasa, kaedah fonik merupakan salah satu kaedah mengajar asas membaca yang sesuai diaplikasikan pada peringkat prasekolah. Kaedah fonik digunakan dengan harapan memudahkan lagi penguasaan prabacaan mereka di dalam Bahasa Inggeris.

1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia sejak dari awal merdeka lagi telah melancarkan pelbagai usaha melalui program-program pendidikan formal mahupun tidak formal yang meliputi peringkat umur kanak-kanak sehinggalah dewasa. Pada peringkat awal penubuhan prasekolah di Malaysia adalah lebih bersifat pusat jagaan atau asuhan kanak-kanak yang tertumpu kepada kebajikan dan kesihatan berbanding pendidikan. Pusat jagaan ini adalah tertumpu di ladang dan lombong kepunyaan British bagi tujuan menjaga anak-anak pekerja ladang dan lombong (Nor Hashimah Hashim & Yahya Che Lah, 2007).

Menyedari hakikat ini, maka pada tahun 1996, prasekolah telah dimasukkan ke dalam sistem pendidikan kebangsaan dan pada tahun 2003, kurikulum yang pertama telah dilaksanakan iaitu Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KPK). Maka, setelah lima tahun pelaksanaan, KPK telah disemak semula. Hal ini selaras dengan hasrat negara memperkenalkan pendidikan prasekolah sebagai perkara yang terpenting di antara 4 sub Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) ialah bidang pendidikan. Akhirnya Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah dihasilkan dan dilaksanakan mulai tahun 2010 di semua prasekolah kerajaan dan bukan kerajaan.

Di dalam KSPK, pendidikan prasekolah telah diperkenalkan bertujuan untuk memperkembangkan potensi kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat, menyuburkan serta aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Ini adalah untuk meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif pada diri kanak-kanak agar mereka berjaya dalam persekitaran sedia ada dan bersedia untuk menangani cabaran dan tanggungjawab di sekolah rendah kelak.

Bersesuaian dengan keperluan semasa dan berpandukan kepada teori pembelajaran yang menyatakan kanak-kanak mampu belajar lebih satu bahasa, maka KSPK memperuntukkan masa yang lebih panjang bagi pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris berbanding yang terkandung di dalam KPK. Dengan lebih tepat, peruntukan masa bagi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris adalah sama dengan pengajaran bahasa Malaysia. Ini menjelaskan lagi mengenai kepentingan Bahasa Inggeris dalam pendidikan masa kini.

Bagi menyaingi arus peningkatan dalam pendidikan, KSPK yang dihasilkan juga memenuhi keperluan semasa dan kehendak dalam pendidikan khususnya dalam mempelajari bahasa Inggeris. Di dalam KSPK bagi modul teras Bahasa Inggeris, penambah baikkan dilakukan dengan menyelitkan asas fonik dalam proses pembelajaran bacaan berbanding dengan KPK yang tidak menyentuh mengenai teknik fonik. Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang merupakan kesinambungan pada KSPK. Maka proses pembelajaran fonik bagi prabacaan Bahasa Inggeris ini akan berterusan dan pendedahan awal adalah amat penting supaya kanak-kanak ini tidak tercicir apabila transisi ke tahun 1.

Kajian yang telah dijalankan oleh Siti Hanim Stapa dan rakan-rakan (2007) menunjukkan penekanan terhadap penulisan dalam Bahasa Inggeris perlu diberi tumpuan terutama kepada pelajar-pelajar di luar Bandar. Hal ini kerana tahap literasi Bahasa Inggeris pelajar-pelajar luar bandar adalah sangat lemah.

Oleh yang demikian, tahap kesediaan guru perlu dititikberatkan di dalam pengajaran fonik prabacaan Bahasa Inggeris memandangkan guru prasekolah bukanlah terdiri daripada guru-guru yang mempelajari Bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran utama ketika pembelajaran sama ada di Institut Pendidikan Guru mahupun di universiti. Maka, dengan itu terdapat kemungkinan bahawa segelintir guru-guru prasekolah ini yang kurang dalam penguasaan Bahasa Inggeris. Oleh itu,

pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil inisiatif dengan mengadakan bengkel peningkatan dalam Bahasa Inggeris dan juga mengedarkan modul-modul yang berkaitan dengan pengajaran fonik untuk dijadikan rujukan oleh guru-guru prasekolah. Walaupun inisiatif ini banyak membantu, namun masih belum dapat memastikan kesediaan guru dalam pengajaran fonik.

Oleh hal yang demikian, modul pengajaran dan pembelajaran telah dibina dengan mengambil kira keperluan sebenar para guru serta menyediakan panduan yang signifikan khususnya dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang positif kepada kanak-kanak. Kejayaan dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran amat dipengaruhi kepada sejauh mana tahap pemahaman dan penghayatan guru dalam merealisasikan hasrat dan yang terkandung dalam KSPK. Selain itu, empat elemen iaitu tahap pengetahuan, kemahiran, sikap dan komitmen guru amat penting bagi merencanakan pendidikan di peringkat prasekolah yang berkualiti menjadi sebahagian daripada elemen yang perlu diberi perhatian yang serius (KSPK, 2010).

1.3 Pernyataan Masalah

Antara tahun 2011 sehingga 2013, guru prasekolah di seluruh negeri Sabah telah didedahkan dengan bengkel profesionalisme Bahasa Inggeris yang merangkumi penggunaan kaedah fonik dan pendedaran modul pengajaran Bahasa Inggeris. Berikut merupakan statistik peratusan penguasaan murid prasekolah dalam kemahiran membaca (standard pembelajaran 3.0) bagi Bahasa Inggeris yang merangkumi pembelajaran fonik bagi tahun 2012 dan 2013. Data ini diperolehi dari Unit Prasekolah, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah (JPNS).

Jadual 1.1 Statistik Peratusan Penguasaan Murid Prasekolah Kemahiran Membaca (standard pembelajaran 3.0) Bahasa Inggeris

BIL	PPD	2012 (%)	2013 (%)	PENINGKATAN / PENURUNAN (%)
1	KOTA BELUD	44.05	78.30	34.25
2	SIPITANG	16.39	47.83	31.44
3	KUALA PENYU	27.09	53.45	26.36
4	PITAS	45.21	70.57	25.36
5	TUARAN	42.49	66.40	23.91
6	TONGOD	39.43	60.49	21.06
7	KOTA MARUDU	36.39	53.60	16.97
8	TAWAU	46.54	57.70	11.16
9	BEAUFORT	48.94	63.30	14.36
10	RANAU	39.94	47.69	7.75
11	KINABATANGAN	42.92	46.73	3.81
12	PAPAR	54.89	58.3	3.41
13	SANDAKAN	44.73	54.23	9.5
14	KENINGAU	45.06	53.96	8.9
15	KOTA KINABALU	43.7	44.31	0.61
16	TAMBUNAN	52.22	52.67	0.45
17	LAHAD DATU	46.68	44.10	-2.58
18	PENAMPANG	57.10	53.46	-3.65
19	KUNAK	49.20	31.41	-17.79
20	NABAWAN	81.29	47.34	-33.95
21	TENOM	0	49.17	-
22	LABUK SUGUD	41.12	0	-
23	KUDAT	0	0	-
24	SEMPORNA	0	38.99	-
JUMLAH KESELURUHAN		45.02	52.72	7.7

Sumber : JPNS (2014)

- Peningkatan tertinggi
- Penurunan tertinggi
- Perubahan tidak ketara

Jadual 1.1 menunjukkan daerah Nabawan mencatatkan peratusan penurunan dalam penguasaan murid yang paling tinggi, manakala daerah Kota Belud mencatatkan peningkatan penguasaan murid yang paling tinggi dan daerah Tambunan mencatatkan perbezaan peratusan yang tidak ketara antara tahun 2013 dan 2012. Perbezaan peratusan penguasaan ini mendorong kepada kajian bagi mengenalpasti tahap kesediaan guru dalam pengajaran fonik.

Pendokong kaedah fonik mengandaikan bahawa punca utama pembaca mengalami kesukaran membaca adalah kerana ketidakupayaan pembaca untuk mengkod. Oleh itu, kanak-kanak perlu diajar fonik huruf-huruf abjad sebelum memulakan pembacaan buku tanpa bantuan orang lain. Usaha untuk menggalakkan kanak-kanak membaca perkataan atau buku tanpa mengetahui 26 huruf dan 44 bunyi yang diwakili oleh huruf-huruf tersebut dalam Bahasa Inggeris akan menyebabkan kanak-kanak gagal membaca. Maka, nama huruf dan bunyi yang diwakili huruf perlu menjadi asas dalam kaedah ini (Reuzel &Cooter, 2004). Jika asas ini kuat, maka kanak-kanak akan mampu membaca dalam apa jua keadaan.

Manakala kajian yang dibuat oleh Holly Menzies (2007) mendapati bahawa ada peningkatan sebanyak 75% murid semakin boleh membaca jika mereka diberikan kaedah "rawatan" yang betul.

Bertitik tolak atas rasional ini, kesediaan guru dari segi pengetahuan prosedural, pengetahuan kemahiran pedagogi, pengetahuan alat bantu mengajar, aktiviti pembelajaran dan juga sikap guru akan menjadi kayu pengukur bagi kajian terhadap tahap kesediaan guru prasekolah menggunakan kaedah fonik dalam pengajaran prabacaan Bahasa Inggeris.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti beberapa aspek tahap kesediaan pengetahuan dan sikap guru-guru prasekolah menggunakan kaedah fonik dalam pengajaran prabacaan Bahasa Inggeris di Sabah berdasarkan penguasaan murid. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat sama ada terdapat hubungan antara tahap kesediaan aspek-aspek pengetahuan dengan sikap guru-guru prasekolah.

1.5 Objektif Kajian.

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kesediaan guru-guru prasekolah menggunakan kaedah fonik dari aspek pengetahuan prosedural, pengetahuan kemahiran pedagogi, pengetahuan alat bantu mengajar, pengetahuan pengurusan aktiviti pembelajaran, dan sikap dalam pengajaran prabacaan Bahasa Inggeris di Sabah berdasarkan penguasaan murid. Selain itu, kajian ini juga melihat sama ada terdapat hubungan antara tahap kesediaan aspek-aspek pengetahuan dengan sikap guru-guru prasekolah.

1.6 Persoalan Kajian.

1. Apakah tahap kesediaan guru-guru prasekolah dalam menjalankan pengajaran fonik secara keseluruhan?
2. Apakah tahap kesediaan pengetahuan prosedural guru-guru prasekolah dalam menjalankan pengajaran fonik?
3. Apakah tahap kesediaan pengetahuan kemahiran pedagogi guru-guru prasekolah dalam menjalankan pengajaran fonik?
4. Apakah tahap kesediaan pengetahuan alat bantu mengajar guru-guru prasekolah dalam menjalankan pengajaran fonik?
5. Apakah tahap kesediaan pengetahuan pengurusan aktiviti pembelajaran guru-guru prasekolah dalam menjalankan pengajaran fonik?
6. Apakah tahap kesediaan sikap guru-guru prasekolah dalam menjalankan pengajaran fonik?
7. Adakah terdapat perbezaan antara tahap kesediaan pengetahuan prosedural guru-guru prasekolah berdasarkan daerah mengikut peratus penguasaan murid?

8. Adakah terdapat perbezaan antara tahap kesediaan pengetahuan kemahiran pedagogi guru-guru prasekolah berdasarkan daerah mengikut peratus penguasaan murid?
9. Adakah terdapat perbezaan antara tahap kesediaan pengetahuan alat bantu mengajar guru-guru prasekolah berdasarkan daerah mengikut peratus penguasaan murid?
10. Adakah terdapat perbezaan antara tahap kesediaan pengetahuan pengurusan aktiviti pembelajaran guru-guru prasekolah berdasarkan daerah mengikut peratus penguasaan murid?
11. Adakah terdapat perbezaan antara tahap kesediaan sikap guru-guru prasekolah berdasarkan daerah mengikut peratus penguasaan murid?
12. Adakah terdapat hubungan antara tahap kesediaan pengetahuan dengan sikap guru-guru prasekolah?

1.7 Hipotesis Nol kajian

Beberapa hipotesis nol kajian telah dibina.

Perbezaan min tahap kesediaan guru antara perbezaan peratus penguasaan murid.

Ho1: Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pengetahuan prosedural guru-guru prasekolah antara daerah peratus penguasaan murid meningkat dan daerah peratus penguasaan murid menurun.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pengetahuan pedagogi guru-guru prasekolah antara daerah peratus penguasaan murid meningkat dan daerah peratus penguasaan murid menurun.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pengetahuan alat bantu mengajar guru-guru prasekolah antara daerah peratus penguasaan murid meningkat dan daerah peratus penguasaan murid menurun.